

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

---

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**

**DARIPADA** : **YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN  
YAAKOB [ BERA ]**

**SOALAN** :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perbandingan jumlah kedatangan pelancong dari Negara China ke Malaysia sehingga 31 Disember 2018 dengan kedatangan mereka sehingga 31 Disember 2017 serta nyatakan apakah sebab-sebab perbezaan tersebut berlaku.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah kedatangan pelancong dari Negara China ke Malaysia pada tahun 2018 telah merekodkan peningkatan sebanyak 29.0% iaitu sebanyak 2.94 juta orang pelancong berbanding 2.28 juta orang pelancong pada tahun 2017.

Kemudahan e-visa dan eNTRI telah memberi kesan positif dalam peningkatan permohonan visa dan ketibaan pelancong dari pasaran China ke Malaysia. Visa bagi pasaran China yang diluluskan sepanjang tahun 2018 meningkat 4.41% dengan sejumlah 2.7 juta visa dikeluarkan berbanding 2.6 juta visa dikeluarkan pada tahun 2017.

Usaha-usaha untuk meningkatkan ketibaan pelancong China ke Malaysia akan diteruskan oleh Kementerian/TM melalui penyertaan di pameran antarabangsa seperti *China International Travel Mart* (CITM, Kunming, China), *Beijing International Tourism Exhibition* (BITE, Beijing, China) dan *Internationale Tourismus-Börse* (ITB, Shanghai), pelaksanaan program promosi makanan dan kebudayaan, pengenalan pakej-pakej yang menarik serta penganjuran program-program *Mega Familiarisation Trip (lawatan suaikenal)* bagi agen dan media antarabangsa yang turut memperkenalkan produk-produk pelancongan menarik yang dikenalpasti.

Sekian, terima kasih.